

Headline	TH kumpul maklumat jemaah		
MediaTitle	Berita Harian		
Date	23 Oct 2013	Color	Black/white
Section	Nasional	Circulation	192,982
Page No	12	Readership	1,521,000
Language	Malay	ArticleSize	85 cm <sup>2</sup>
Journalist	N/A	AdValue	RM 1,491
Frequency	Daily	PR Value	RM 4,472



# TH kumpul maklumat jemaah

**Sepang:** Pengurusan kanan Tabung Haji (TH) akan mendekati sendiri jemaah haji yang pulang dari Tanah Suci pada musim ini bagi mendapatkan maklum balas mengenai perkhidmatannya musim ini.

Pengerusi TH, Datuk Abdul Azeez Abdul Rahim, berkata hasil maklum balas itu akan digunakan untuk menambah baik perkhidmatannya pada masa depan.

Katanya, walaupun perjalanan haji musim ini secara keseluruhan berjalan lancar, pihaknya termasuk Lembaga Pengarah TH mahu memastikan semua masalah jemaah sampai ke pengetahuan mereka supaya tidak berulang pada musim akan datang.

“Kita akan membuat ‘post mortem’ selepas mendengar semua masalah berbangkit. Sebab itu, kita mahu pengurusan tertinggi TH turut sama menunggu ketibaan pulang jemaah, bersalam dan bertanya khabar mereka.

“Setakat ini, Alhamdulillah. Semuanya berjalan lancar dan saya sendiri berpuas hati dengan maklum balas yang diterima,” katanya kepada media ketika menyambut ketibaan kumpulan pertama jemaah haji Malaysia seramai 446 orang dari Tanah Suci di Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur (KLIA) di sini, malam kelmarin.